

200 penduduk Puncak Alam dipindah akibat banjir kilat

Puncak Alam: Lebih 200 penduduk sekitar Bandar Puncak Alam Fasa Dua di sini, terpaksa dipindahkan malam tadi selepas perumahan mereka dilanda banjir kilat, susulan hujan lebat selama dua jam mulai jam 6 petang.

Pengerusi Persatuan Penduduk Puncak Alam, Mohd Hanif Md Sultan, berkata penduduk terjejas dipindahkan ke Surau Taufiqiyah, Sinar Alam di sini, mulai jam 8 malam.

Beliau berkata, kira-kira 300 kediaman terjejas akibat ben-

cana itu tetapi sebahagian penduduk tidak berpindah kerana cuba bertahan di kediaman masing-masing.

Banjir kali kedua

Katanya, banjir yang melanda petang semalam adalah kali kedua berlaku selepas kawasan terbabit mengalami bencana sama pada 11 Ogos lalu.

"Hujan lebat bermula dari jam 6 petang hingga 8 malam membuatkan paras air di kawasan ini naik mendadak

hingga menyebabkan banjir kilat."

"Pusat operasi dibuka mulai malam ini untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa yang terjejas dan dipindahkan secara berperingkat," katanya ketika dihubungi.

Mohd Hanif berkata, paras banjir di kawasan menenggelamkan kawasan rumah penduduk antara satu hingga 1.5 meter, menyebabkan pelbagai barangan seperti perabot dan kenderaan mengalami kerosakan.



Hujan lebat **dua jam di Sinar Alam, Shah Alam 2** menyebabkan banjir kilat.

[FOTO IHSAN PEMBACA]